

10/08/1997

Rali perintis jalan darat ke China

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap perlumbaan Rali Silverstone Asia dapat menjadi perintis jalan darat antara negara Asean terutama melalui Laos dan Myanmar, terus ke China.

Menurutnya, penerokaan itu boleh dibuat secara berperingkat dan ia adalah seiring dengan usaha Kementerian Pengangkutan, yang sedang mengkaji laluan kereta api Trans-Asia, dari Singapura melalui Malaysia, Thailand, Laos, Myanmar ke Kunming, China.

"Ini adalah satu cita-cita besar dan saya diberitahu oleh Tan Sri Muhyiddin bahawa rali ini (pada masa hadapan) mungkin diadakan di antara Kuala Lumpur dan Beijing. Ini adalah satu jarak yang jauh.

"Tetapi ia adalah satu penerokaan sama seperti usaha kita membina laluan kereta api di antara Kuala Lumpur ke Kunming. Mungkin rali ini boleh dianggap sebagai usaha merintis jalan sedikit demi sedikit ke Kunming," katanya ketika berucap merasmikan perlumbaan Rali Silverstone Kedua di Dataran Merdeka, di sini, malam tadi.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam, yang juga Presiden Persatuan Permotoran Malaysia.

Perlumbaan terbabit adalah bagi merebut Piala Cabaran Perdana Menteri, iaitu piala yang diperbuatkan daripada pewter dan dikatakan termahal di dunia pada harga RM75,000 seberat 65 kilogram.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut memalu gendang terbesar di dunia, diperbuat hasil kerjasama kepakaran rakyat Malaysia dan China, sebagai tanda bermula rali kali kedua itu. Gendang berkenaan mempunyai ukur lilit keseluruhan 12.75 meter, setinggi 2.12 meter dan ukur lilit kulitnya 3.09 meter.

"Gendang ini mungkin terbesar di dunia, bunyi sudah tentu kuat tetapi di dalamnya kosong. Tetapi saya percaya cita-cita kita tidak kosong seperti itu," katanya.

Mengambil contoh kejayaan dua pendaki negara menawan puncak Gunung Everest, Dr Mahathir berkata:

"Kita sepatutnya boleh menepuk belakang sendiri dan mengucapkan tahniah. Tetapi ini bukan untuk menunjuk-nunjuk kebolehan, sebaliknya ia adalah untuk meningkatkan semangat supaya kita sanggup berusaha, bertanding dan berjuang.

"Kita perlu tunjukkan bahawa 'Malaysia Boleh'," tegasnya.

Sejumlah 51 pasukan daripada tujuh negara iaitu Malaysia, Australia, Amerika, Thailand, Jepun, Taiwan dan Jepun, menyertai kejohanan kali ini sejauh 4,000 kilometer melalui Ipoh, Kuala Terengganu, Alor Star sebelum menuju ke Bangkok, Thailand.

(END)